

Pendidikan Kesihatan Tahun 6
Tajuk : Keputusan Tepat, Tindakan Berhemah

Nama Murid

NYATAKAN CARA KEMAHIRAN ASERTIF BERDASARKAN SITUASI DI BAWAH.

Menyatakan pendapat secara terbuka dan berterus terang.	Pandai meluahkan perasaan dan kepentingan diri.
Memastikan diri tidak dipergunakan oleh orang lain.	Menyuarakan perasaan tanpa bertindak agresif terhadap orang lain.

1. Ketua pengawas telah meluahkan perasaan tidak puas hati terhadap sikap Chun Heong yang sering membuli murid lain. Dia menasihati Chun Heong agar tidak mengulangi perbuatan tersebut. Jika tidak, dia akan mengambil tindakan disiplin terhadap Chun Heong.

2. Amar kurang bersetuju dengan pendapat Ali untuk mencampurkan pemain lelaki dan perempuan semasa bermain bola baling. Dia memberi cadangan supaya mengasingkan pemain lelaki dan perempuan demi menjaga batas pergaulan mereka.

3. Aina mengucapkan terima kasih kepada Haikal yang merupakan sahabat baiknya. Aina juga menyatakan bahawa dia amat menyenangi sikap Haikal yang baik hati dan suka membantunya dalam pelajaran.

4. Ai Ling merasakan dirinya sering dipergunakan oleh beberapa orang kakitangan di syarikat itu demi kepentingan mereka. Justeru dia telah berjumpa dengan majikan untuk melaporkan perkara itu dan menyelesaikan secara baik demi kepentingan bersama.